



**UCAPAN BAJET 2023
NEGERI MELAKA**

KANDUNGAN

MUKADIMAH

PILIHANRAYA UMUM KE 15

SETAHUN PENCAPAIAN AKUJANJI KERAJAAN MELAKA

HARAPAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

PRESTASI EKONOMI 2022

BAJET 2023 TEGUH BERSAMA MAKMUR MELAKA: MEMULIH EKONOMI, MEMPERINGAT AKUJANJI, MENSEJAHTERA RAKYAT

AGENDA 1: MENSEJAHTERA SOSIO-EKONOMI RAKYAT

STRATEGI 1: MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN RAKYAT

STRATEGI 2: MELENGKAPKAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT

STRATEGI 3: MENYEDIAKAN PERSEKITARAN LESTARI

AGENDA 2: MEMULIH MENUJU KEMAMPANAN EKONOMI

STRATEGI 1: MEMPERKASA M-WEZ SEBAGAI AGEN TRANSFORMASI
PEMBANGUNAN EKONOMI

STRATEGI 2: MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI PILIHAN
PELABURAN

STRATEGI 3: MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN MELAKA SEBAGAI
DESTINASI TERUNGGUL

STRATEGI 4: MENINGKATKAN KETAHANAN SEKTOR PERTANIAN

STRATEGI 5: MERANCAKKAN DIGITALISASI

STRATEGI 6: PEMBANGUNAN INKLUSIF

AGENDA 3: MEMPERCEKAP PERKHIDMATAN AWAM

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

PENUTUP

**UCAPAN BAJET 2023
NEGERI MELAKA**

Oleh:

YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Bin Md. Ali
Ketua Menteri Melaka

Ketika Membentang
Rang Undang-Undang Perbekalan 2023

Di Dewan Undangan Negeri Melaka
Pada Isnin, 12 Disember 2022

Tema:

**BAJET 2023 TEGUH BERSAMA MAKMUR MELAKA:
MEMULIH EKONOMI, MEMPERINGAT AKUJANJI,
MENSEJAHTERA RAKYAT**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen Perbekalan 2023 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2023” dibaca bagi kali kedua.

MUKADIMAH

*BismillahirRahmanirRahim, Alhamdulillah Rabbil A’lamin,
Wassolatuwassalamu A’la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A’la Alihi
Wasohbihi Ajmain, Amma Ba’du,*

Diawali, salam sejahtera ke atas Rasul Junjungan, Nabi Muhammad Sollahu A’lai Wassalam, Ahli Keluarga dan para sahabat Baginda, seraya melafazkan *Allahumma Solli A’la Saidina Muhammad Wa A’la A’li Saidina Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

1. Dipetik firman Allah SWT dalam surah Al-Muddaththir, “*Ya Aiyuhal Muddaththir, Qum FaAnzir Wa Rabbaka Fakabbir*”.

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ①

قُمْ فَأَنْذِرْ ②

وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ③

2. Mafhumnya, **Wahai orang berselimut!... Bangunlah,... Berilah peringatan dan amaran,.... Dan agungkanlah Tuhanmu yang Maha Mengetahui,... baik yang nyata,... mahupun yang tersembunyi!**

3. Arakian, dengan penuh takzim, patik bagi pihak Kerajaan dan sekalian rakyat jelata Negeri Melaka menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riáyatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah serta Raja-Raja Melayu**, sekali lagi, atas penzahiran kebijaksanaan, mempertimbang sehemah-hemahnya, dalam mendamaikan kebuntuan politik pasca Pilihanraya Umum Ke-15, apabila bertindak sebagai penstabil, sehingga tertubuhnya Kerajaan Perpaduan di peringkat persekutuan pada 24 November 2022.

**Ampun Tuanku Seri Paduka,
Sembah takzim menjunjung tinggi,
Semoga karar naungan takhta,
Mendamai gelora penstabil pertiwi.**

Daulat Tuanku!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

4. Syahdan, saya turut menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam**, yang secara rasminya dimasyhur sebagai **Canselor pertama Universiti Melaka (UNIMEL), IPT milik Kerajaan Negeri**, pada 6 Disember yang lalu.

5. Seyorgia, dengan setulus penuh penghormatan, marilah kita sama-sama menumpahkan taat setia, serentak **bertepuk takzim, kepada Ketua Negara dan Ketua Negeri yang kita hormati!**

PILIHANRAYA UMUM KE 15

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

6. Lebih 4 tahun yang lalu, masih segar dalam ingatan saya, kami duduk di sebelah sini. Namun, selepas detik hitam pada PRU-14, kami telah menjadi pembangkang. Saya akur, apabila kami kena duduk di seberang sana.
7. Tetapi, memang sudah tersurat, tak sampai dua tahun kemudian, takdir Allah SWT telah menetapkan bahawa, saya bersama sejumlah 'sahabat-sahabat' lain, kena berpindah kembali, untuk duduk semula di sebelah sini. Kami bekerja lebih kuat, memimpin dan mentadbir negeri.
8. Angkara 'enau dalam belukar', kami hampir-hampir semula kena duduk di seberang sana. Namun, Allah SWT lebih mengetahui. Sejak itu, demi rakyat,... demi Negeri tercinta,... kami bekerja lebih kuat lagi, siang dan malam.
9. Alhamdulillah,... PRN Ke-15 menyaksikan, kami menang besar dengan $\frac{3}{4}$ majoriti. Kerana itu, kami kini, masih lagi 'duduk' di sini.
10. Kerana majoriti terlalu besar agaknya. Kita semua yang di sebelah sini, barangkali sudah berasa sangat selesa.

11. Akibatnya, dalam keputusan PRU ke-15 baru-baru ini menyaksikan, kalau dalam bolasepak Piala Dunia 2022 di Qatar yang sedang berlangsung sekarang, kita ini umpama dapat 'telur ayam'.
12. Betul tak Yang Berhormat Rembia?
13. Pengajarannya, kalau kita leka, atau mengamalkan budaya kerja selesa ini sebenarnya sangat bahaya. Sepanyol boleh kalah,... Jerman 'balik awal',... sebab terlalu '*over confident*',... Bayangkan pasukan '*favourite*' bola sepak nombor 1 dunia, Braaaziil pun boleh kalah!
14. Semua faham maksud saya ya?
15. ***This is a wake-up call from the rakyat! Dengan izin, Yang Berhormat Datuk Wira Speaker.***
16. ***Ini amaran daripada rakyat! Ini juga peringatan daripada rakyat!***
17. ***I talk to myself Sulaiman, you have to work harder than before! Otherwise you pun akan balik awal! Pasti balik awal!***
18. ***Kepada 'sahabat' Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita kena bekerja lebih keras selesaikan ehwal rakyat! 'Kalau tak, you all semua pun akan balik awal jugak, sama macam Jerman'!***
19. ***Buat semua Ahli Yang Berhormat, khususnya di sebelah sini, kita tiada pilihan, melainkan, kena lebih rajin turun padang,... tengok dan dengar masalah rakyat, dekati anak-anak muda, santunilah mereka,... dan yang paling penting selesaikan masalah mereka.***
20. ***Juga, saya pohon,... saya pinta,... saya rayu kepada semua penjawat awam,... Ketua-ketua agensi Kerajaan Negeri, JPKK,***

JPKKB, Penghulu, Sidang, Ahli-ahli Majlis PBT dan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi, sama-samalah kita bekerja lebih keras, tingkatkan prestasi, kualiti perkhidmatan dan penyampaian, supaya rakyat lebih rasai nawaitu, keikhlasan serta kehadiran kita dalam memberikan yang terbaik untuk mereka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

21. Apapun, kita berlapang dada. Kita terima keputusan rakyat. Ya! di peringkat persekutuan, pada awalnya, Barisan Nasional sudah bersedia untuk menjadi pembangkang.
22. Namun, kerana tiada suatu parti pun yang berjaya mendapat majoriti mudah bagi menubuhkan Kerajaan, demi menjunjung titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka Barisan Nasional telah bersetuju bekerjasama untuk membentuk Kerajaan Perpaduan.
23. Maka, mewakili Kerajaan Melaka, saya menzahirkan setinggi tahniah kepada **Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar bin Ibrahim** atas pelantikan sebagai **Perdana Menteri Malaysia Ke-10. Tahniah YAB Datuk Seri...!!**
24. Sekalung syabas juga kepada **Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi**, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, atas pelantikan sebagai **Timbalan Perdana Menteri Malaysia Ke-14. Syabas YAB Datuk Seri Zahid...!!**
25. Tahniah juga diucapkan kepada barisan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri, yang dipilih menganggotai Kerajaan Perpaduan. Semoga Malaysia terus maju dan makmur di bawah kepimpinan baharu ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

26. Sebenarnya, model Kerajaan Perpaduan ini, bukanlah asing malah, kita telah rintis lebih awal lagi, sejak dua tahun dulu. Kita sudah memperkenalkan konsep ‘rakan strategik’ melalui kerjasama dengan semua pihak termasuklah ADUN bukan Kerajaan di Negeri Melaka.
27. Kini, di Dewan Undangan Negeri ini, kita ada ‘7 rakan strategik’, yang mana, Alhamdulillah, 5 daripada mereka sudah pun berpadu bersama dengan kita. **Terima kasih sahabat...**
28. Kepada Yang Berhormat Bukit Katil, yang baharu sahaja dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia. Tepuk tahniah Kerajaan Negeri ucapkan!

HARAPAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

29. Berkait itu, saya berharap agar, Kerajaan Perpaduan yang baru dibentuk ini, dapat berganding erat, demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat Melaka, terutamanya dalam meneruskan pemberian peruntukan pembangunan yang lazim diterima sekitar lingkungan **500 hingga 600 juta ringgit** pada setiap **Rolling Plan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RP-RMLT)**. Bagi kami, jika bagi lebih, lagi baik.
30. Malah, di dalam **RP3 RMK-12**, Kerajaan Melaka telah memohon pelbagai projek untuk dilaksanakan di negeri ini.
31. Antara projek keutamaan Kerajaan Negeri yang terlibat seperti Menaik taraf dan Membina Baru Jalan 4 Lorong Persisiran Pantai, Projek

Perumahan Rakyat (PPR) Lendu dan Menaik taraf Pesisiran Pantai Siring, Serkam, Daerah Jasin, Melaka.

32. Misalnya, Rancangan Tebatan Banjir. Bagi kita, projek sebegini, memang menjadi keperluan semasa, terutama dalam menyelesaikan masalah banjir di Negeri Melaka.
33. Justeru, Kerajaan Melaka berharap semoga, Ahli-Ahli Parlimen yang mewakili Kerajaan Perpaduan, dari Alor Gajah, Kota Melaka dan Hang Tuah Jaya, untuk sama-sama kita perjuangkan kelulusan projek-projek pembangunan berimpak bagi manfaat rakyat Melaka di peringkat Kerajaan Persekutuan, khususnya untuk dimasukkan di dalam Bajet Nasional 2023.
34. Boleh YB Bukit Katil? Boleh kan? Alhamdulillah!

SETAHUN PENCAPAIAN AKUJANJI KERAJAAN MELAKA

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

35. Hari ini, **12 Disember 2022, bersamaan 17 Jamadil Awal 1444 Hijriyah**, sukacitanya saya ingin melaporkan **5 Pencapaian Utama Kerajaan Negeri Melaka**.
36. **Pertama;** berpandukan **Akuanji 100 hari manifesto** PRN Ke-15 yang disepadukan dalam PSMJ2035 2.0, pencapaian berdasarkan Sistem Melaka Laksana sehingga 2 Disember 2022, telah mencapai angka 100 peratus. **Tepukan tahniah kepada semua!**
37. Bagi **Akuanji 1 Tahun Kerajaan Melaka**, setakat ini, kita telah mencapai **lebih 90 peratus. Syabas kita ucapkan!**

38. Perinciannya, saya akan umumkan pada 19 Disember 2022 nanti.
39. Manakala, bagi **Akujanji 3 Tahun dan 5 Tahun** pula, kita telah mula laksana pada tahun ini.
40. Kendatipun begitu, perlu **diperingatkan selalu atau ‘wake-up call’** kepada kita semua, betapa kita perlu bersungguh-sungguh, bagi memastikan masih banyak lagi akujanji, inisiatif dan insentif yang perlu kita laksanakan segera.
41. Peri-pentingnya, kita semua mesti pastikan kesemua itu menjadi kenyataan, seperti yang selalu saya sebut,... **Get It Done,... Bagi Jadi,... Kasi Jadi!**
42. **Kedua;** dari segi pelaburan, Negeri Melaka telah menerima sejumlah 5.99 bilion ringgit pada 2021. Sementara sehingga **suku tahun ketiga, Januari hingga September 2022**, sejumlah **4.4 bilion ringgit** telah direkodkan melalui statistik pelaburan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
43. Kita yakin, menjelang hujung tahun ini, jumlah pelaburan akan melebihi nilai sasaran **5 bilion ringgit**. InsyaAllah..!
44. **Ketiga;** Kerajaan Negeri turut berbangga dengan anugerah yang diterima oleh Jabatan Negeri:
- Satu: Jabatan Ketua Menteri** menerima anugerah **Inovasi Audit Dalam “Hari Bertemu Pelanggan BADSA”** dan **Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam**, anjuran Kementerian Kewangan.

Dua: **Mahkamah Syariah** menerima anugerah **GOLD Award International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2022** anjuran Indonesia Quality Management Association (IQMA).

Kepada **Jabatan Ketua Menteri dan Mahkamah Syariah Melaka, tahniah kita ucapkan!**

45. **Keempat;** setinggi tahniah juga diucapkan kepada keempat-empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang telah melakar kejayaan sekaligus mengangkat nama Melaka bagi bersaing dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Satu: **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)** telah menerima **Sijil Keanggotaan sebagai ahli di dalam Organization of World Heritage Cities (OWHC) Tahun 2022.**

Kepada seluruh warga kerja MBMB, syabas di atas **Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara bagi Kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan** dari **Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia** bagi tahun 2020/2021.

Dua: **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)** telah diiktiraf sebagai 10 bandar di Malaysia yang menerima **Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021** sempena pelancaran **Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) 2022.** **Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022,** MPHTJ juga dinobatkan

sebagai **PBT Perbandaran Paling Mampan di Malaysia 2021**.

Selain itu, MPHTJ telah dianugerahkan sebagai **Bandar Rendah Karbon 2021** oleh *Malaysia Green Technology Climate Change Centre (MGTCC)*. **Tahniah MPHTJ!**

Tiga: **Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)** pula telah menerima **Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2021** oleh **Jabatan Perdana Menteri** dan **Penganugerahan Bandar Bahagia 2021** oleh **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**.

Empat: **Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)** turut menerima **Anugerah Diamond – Bandar Rendah Karbon** daripada **Kementerian Alam Sekitar dan Air** serta **Anugerah Bandar Bahagia 2021** oleh **KPKT**.

46. **Kelima;** syabas juga kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal bin Haji Abu, di atas **Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Kategori Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Terbaik Sektor Awam 2020/2021**. **Tahniah Datuk Bandar!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

47. Sememangnya, anugerah-anugerah ini tidak diperoleh dengan mudah. Ia datang dengan kesungguhan dan pengorbanan para **Penjawat Awam** yang seringkali menjadi **Unsung Heroes** kita, seperti para pekerja sektor pembersihan daripada pelbagai jabatan dan agensi.

48. Misalnya, **Puan Rohani binti Yasin**, ibu tunggal empat orang anak, penerima **Anugerah Hero Pekerja Pembersihan** mewakili Melaka sempena sambutan **Hari Pekerja Pembersihan 2020 Peringkat Kebangsaan**.
49. Wanita cekal ini hadir bersama kita. **Silalah raikan beliau, dengan tepukan penghargaan kepada Puan Rohani!**

PRESTASI EKONOMI NEGERI MELAKA 2022

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

50. Secara keseluruhan, Melaka mencatatkan peningkatan KDNK lebih baik pada tahun 2021, berbanding tahun 2020, pada kadar 2.0 peratus, dengan merekodkan pertambahan nilai daripada 41.0 bilion ringgit, **kepada 41.8 bilion ringgit**.
51. Dari segi komposisi ekonomi Melaka pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama ekonomi, sebanyak 48.8 peratus daripada jumlah keseluruhan KDNK negeri.
52. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian, dengan masing-masing merekodkan sebanyak 37.9 peratus dan 10.9 peratus.
53. Sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 2.1 peratus kepada KDNK Melaka. Manakala sebanyak 0.1 peratus telah disumbangkan oleh sektor Perlombongan dan Pengkuarian.
54. Meskipun inflasi Melaka mencatatkan peningkatan 2.4 peratus berbanding negatif 1.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2020, namun, kadar pengangguran di Melaka menurun 0.2 mata peratus,

daripada 2.2 peratus tahun 2020, **kepada 2 peratus pada tahun 2021.**

55. Tahun 2023 kedudukan ekonomi global dijangka mengalami situasi tidak menentu dengan unjuran pertumbuhan hanya pada 2.7 peratus dan ekonomi negara pula dijangka berkembang pada kadar sederhana 4-5 peratus.
56. Semestinya, Melaka mengambil langkah-langkah berhemah bagi memulih dan memastikan pertumbuhan ekonomi negeri dapat dilaksanakan dengan baik, demi manfaat rakyat Melaka seluruhnya.

BAJET 2023 TEGUH BERSAMA MAKMUR MELAKA: MEMULIH EKONOMI, MEMPERINGAT AKUJANJI, MENSEJAHTERA RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

57. Untuk Bajet 2023, **hasil** Kerajaan Negeri dianggarkan berjumlah **455.55 juta ringgit** dengan pecahan, anggaran **Hasil Cukai** bernilai **145.92 juta ringgit**, **Hasil Bukan Cukai** berjumlah **297.54 juta ringgit** dan **Terimaan Bukan Hasil** bernilai **12.09 juta ringgit**.
58. Kerajaan Melaka juga meneruskan inisiatif **bajet lebihan** atau *surplus budget*, dengan **anggaran Perbelanjaan Mengurus** berjumlah **455.43 juta ringgit**, iaitu bagi **Maksud Tanggungan** dianggarkan **11.56 juta ringgit**, manakala bagi **Maksud Bekalan** dengan anggarannya **443.86 juta ringgit**.
59. Di bawah **anggaran perbelanjaan pembangunan** pula, peruntukan adalah sebanyak **82 juta ringgit**, dengan pecahan **58.36 juta ringgit** merupakan **sumber hasil Negeri**, **23.64 juta ringgit** sebagai pemberian **Geran TAHAP** oleh Kerajaan Persekutuan, dan token

sebanyak **20 ringgit** adalah pindahan daripada **Akaun Pinjaman Disatukan**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

60. Bertemakan “**Bajet 2023 Teguh Bersama Makmur Melaka: Memulih Ekonomi, Memperingat Akujanji, Mensejahtera Rakyat**”, bajet inklusif ini, berteraskan prinsip *no one is left behind*, inisiatif-inisiatif bajet 2023, dicerakinkan kepada 11 fokus utama, selari dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 atau PSMJ2035,...
61. Dengan menggabung jalin dan menyusun semula inisiatif-inisiatif sedia ada dan yang baharu, dilaksanakan dengan memfokus kepada **3 Agenda Utama**:

Pertama: Mensejahtera Sosio-Ekonomi Rakyat;

Kedua: Memulih Menuju Kemampanan Ekonomi; dan

Ketiga: Mempercepat Perkhidmatan Awam.

AGENDA PERTAMA: MENSEJAHTERA SOSIO-EKONOMI RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

62. **Agenda Pertama Mensejahtera Sosio-Ekonomi Rakyat ini**, merangkumi inisiatif-inisiatif dalam menyantuni isu-isu yang menjadi keutamaan rakyat Melaka, melalui 3 Strategi utama.

STRATEGI 1: MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN RAKYAT

63. **Strategi Pertama: Mengutamakan Kebajikan Rakyat.** Dalam memastikan kesejahteraan rakyat Melaka yang holistik, penggarapan

inisiatif sedia ada dan inisiatif baharu akan dilaksanakan di bawah Bajet ini.

Fokus 1: Melaka Sejahtera (Kebajikan)

64. Sehingga 26 Oktober 2022, jumlah miskin tegar di negeri Melaka adalah 1,283 orang. Manakala bilangan miskin adalah seramai 6,558 orang. Justeru, isu kos sara hidup menjadi keutamaan Bajet 2023.

Inisiatif: Bantuan Mengikut Kumpulan Sasar

65. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan **meneruskan bantuan** melalui inisiatif berikut:

Pertama: **Care Sayang** iaitu Bantuan Am bulanan untuk golongan B40 yang **dinaikkan kadar dari 200 ringgit dan 230 ringgit kepada 250 ringgit** untuk 5,394 orang penerima, dengan peruntukan berjumlah **16.18 juta ringgit**.

Kedua: **Musa'adah Asnaf**, iaitu 16 Skim Bantuan Zakat sedia ada, ditambahbaik untuk diagihkan kepada golongan asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf muallaf dengan implikasi kewangan **13 juta ringgit**.

Manakala, 8 Skim Bantuan Zakat baharu berjumlah **495 ribu ringgit** akan diagihkan kepada golongan asnaf miskin, asnaf muallaf dan asnaf riqab bagi bantuan ibu bersalin, saguehati iringan syahadah, bantuan perubatan, bantuan pelajaran anak saudara baru, bantuan bayaran guru agama utama, bantuan

saraan anak muallaf, program ikhtiar pembasmian kemiskinan dan bantuan makanan bulanan.

- Ketiga:** **Care Kolej**, iaitu bantuan tunai *one-off* bernilai 1,000 ringgit kepada anak Melaka yang melanjutkan pelajaran di UNIMEL seramai 700 orang, dan MiCOST seramai 300 orang dengan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit**.
- Keempat:** **Care Sejahtera**, iaitu pembekalan lampin pakai buang dewasa kepada 2,240 orang penerima berjumlah **800 ribu ringgit**.
- Kelima:** **Care SPM**, iaitu insentif bernilai 50 ringgit seorang untuk program kecemerlangan bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dengan implikasi kewangan **700 ribu ringgit**.
- Keenam:** **Care Kasih**, iaitu program bantuan susu kepada pesakit terlantar, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas yang melibatkan anggaran 200 orang penerima berjumlah **600 ribu ringgit**.
- Ketujuh:** **Dana Kasih Niaga**, iaitu bantuan kewangan buat usahawan dan peniaga dengan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit**. Inisiatif ini memanfaatkan 2,000 peniaga sejak diperkenalkan.
- Kelapan:** **Tahfiz Muta'aliq**, Insentif Sekolah Tahfiz Melaka bernilai 3,000 ringgit untuk setiap sekolah tahfiz berdaftar dengan implikasi kewangan **300 ribu ringgit**.

Kesembilan: Musa'adah al-Akhirah, bantuan pengurusan jenazah bernilai 200 ringgit kepada waris dalam kategori B40 dengan jumlah peruntukan **200 ribu ringgit**; dan

Kesepuluh: Melalui **Musa'adah Wilada**, bantuan pembukaan akaun SSPN Prime akan diteruskan pada tahun ini.

Berita gembira buat ibu-ibu, bagi bayi yang lahir di Melaka pada **12 Disember hari ini, bantuan 150 ringgit** seorang akan diberikan.

Manakala, bagi bayi yang lahir pada hari lain pula mereka layak menerima **bantuan 50 ringgit** dengan implikasi kewangan berjumlah **100 ribu ringgit**.

66. Menyentuh soal kebajikan, jika dahulu kita berbangga dengan abang Viva Hero orang Melaka, sekarang negeri ini ada seorang lagi hero, iaitu **Sheikh Muhammad Makhdad Haron**, atau lebih mesra dengan panggilan **Pak Ngah Makhdad**.

67. Baiknya Pak Ngah Makhdad ini, beliau hanya mengenakan bayaran **simbolik 1 Ringgit** untuk memiliki motosikal dan kereta kepada sesiapa yang layak dan memerlukan. Semangat ini harus dicontohi. **Terima kasih Pak Ngah Makhdad yang sudi hadir bersama kita. Silalah beri tepukan kepada beliau.**

Inisiatif: Bantuan Komuniti Khusus

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

68. Beberapa inisiatif sedia ada akan tetap kita teruskan:

- Pertama:** **Insurans dan khairat kematian** kepada 4,409 orang ahli **Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Sidang Negeri Melaka** dengan implikasi kewangan hampir **1.2 juta ringgit**.
- Kedua:** Meneruskan **Program Semarak Wanita** dengan peruntukan berjumlah **500 ribu ringgit**. Lebih 3,215 wanita telah mendapat manfaat sepanjang 2 tahun pelaksanaan program ini.
- Ketiga:** **Program Perhebat OKU** termasuk atlet paralimpik negeri Melaka berjumlah **100 ribu ringgit**.
- Keempat:** **Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha pemertanaan untuk memastikan kawasan perkampungan Orang Asli terjamin. Suka saya umumkan bahawa Kerajaan Negeri, telah berjaya mewartakan 5** kawasan penempatan dan kawasan rayau Orang Asli iaitu di Bukit Payung, Solok Terentang, Bukit Seraya, Lubuk Bandung dan Bukit Putus.

Pada 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan **Dewan Terbuka Kampung Orang Asli Bukit Payung** dengan kos projek berjumlah **294 ribu ringgit** yang dijangka siap dibina pada 24 Disember 2022.

Kepada pewaris generasi baharu Orang Asli pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan **bantuan persekolahan** berjumlah **30 ribu ringgit** kepada **600 pelajar** pada 2023.

69. Mengulas mengenai komuniti khusus, saya turut berasa bangga kerana Melaka mempunyai ikon OKUnya sendiri. Beliau yang saya maksudkan, **Muhammad Hafiq Hizwan Norizan** atau lebih popular dalam Tik-Tok sebagai **Balau**.
70. Baru-baru ini, beliau berjaya meraih **dua pingat emas dan satu perak** pada temasya **Para Sukma Majlis Sukan Negara (MSN) 2022**. Balau hadir bersama kita dalam dewan ini. **Marilah kita beri tepukan semangat kepada Balau!**
71. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Aaron Chia, anak Melaka yang muncul juara beregu pada Kejohanan Badminton Dunia 2022 di Tokyo, Jepun.

Meraikan kejayaan di atas, marilah kita beri tepukan **syabas bergemuruh kepada semua wira dan wirawati anak Melaka!**

Fokus 2: Melaka Sejahtera (Perpaduan)

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

72. Bagi meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan penduduk setempat, kita memperuntukkan **300 ribu ringgit** bagi **program komuniti** atau **Care Komuniti**.
73. Melaka juga memohon supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk meneruskan inisiatif **Gerak Kerja Komuniti Rukun Tetangga (KRT)**.

Fokus 3: Melaka Sejahtera (Kesihatan)

74. Kita juga akan terus berusaha menjadikan Melaka sebagai negeri terbaik bagi aspek penjagaan kesihatan pasca COVID-19.

Inisiatif: Program Kesihatan

75. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan **meneruskan inisiatif sedia ada** beserta inisiatif **baharu** seperti berikut:

Pertama: Care Rakyat iaitu **kemudahan ambulans percuma** dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulance Malaysia. Kemudahan ambulans percuma disediakan untuk kes temujanji dan discaj golongan B40 yang terdiri daripada pesakit OKU terlantar atau pesakit terlantar atau pesakit kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan di kesemua 28 JAPERUN dengan implikasi kewangan berjumlah **2 juta ringgit**.

Kedua: i-Sihat iaitu Kad Kesihatan bernilai 200 ringgit yang akan memberi manfaat kepada 5,394 orang penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan implikasi kewangan berjumlah **1.08 juta ringgit**.

Ketiga: Program MBIO Sihat iaitu program ujian darah melalui Perbadanan Bioteknologi Melaka untuk *cancer marker* bagi mengenalpasti penyakit usus besar, prostat dan ovari bernilai 100 ringgit yang memanfaatkan hampir 5,400 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan implikasi kewangan hampir **540 ribu ringgit**.

Keempat: Kerajaan Negeri berharap agar **Program Saringan Kesihatan B40** bagi pelaksanaan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (**PeKa B40**) diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan. Kita bercadang untuk mewujudkan kolaborasi di antara Perbadanan Bioteknologi Melaka bersama *Protect Health* bagi meningkatkan bilangan rakyat Melaka yang membuat saringan kesihatan di bawah program ini.

Kelima: Program ***Say No to Drugs*** iaitu program anti dadah oleh Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berjumlah **70 ribu ringgit**.

Keenam: **Program AED** iaitu program menempatkan mesin *Automated External Defibrillator* di pusat tumpuan orang ramai seperti tempat rekreasi, masjid negeri dan daerah serta melatih rakyat Melaka tentang bantuan pernafasan *CPR*.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 4: Melaka Sejahtera (Belia dan Sukan)

76. Dalam era globalisasi, belia perlu dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk melahirkan generasi yang berdaya saing.

Inisiatif: Pembangunan Belia Dan Sukan

77. Kita komited memperkasakan pembangunan belia dan sukan di negeri Melaka dengan meneruskan inisiatif-inisiatif berikut:

Pertama: Melaksanakan **Program Belia Progresif** berjumlah **500 ribu ringgit.**

Kedua: Meneruskan **program-program e-sport** berjumlah **200 ribu ringgit.**

Ketiga: PBT akan membina **Pusat Sukan Ekstrem di Taman Bandaraya Bukit Serindit** berjumlah **500 ribu ringgit** pada tahun 2023. Manakala **Taman Sukan Ekstrem di Merlimau** dijangka siap pada Februari depan.

Keempat: Bagi menggalakkan pembangunan sukan atlet Melaka, kita telah meluluskan **insentif kemenangan untuk anak-anak Melaka yang meraih pingat dalam kejohanan sukan bertaraf dunia.**

Kelima: Meneruskan **Pusat Kegiatan Belia** untuk mereka berkarya dan melakukan **aktiviti kesenian** di setiap PBT seperti di *Leypark Station* di Ayer Keroh dan Dataran Keris di Alor Gajah.

STRATEGI 2: MELENGKAPKAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

78. **Strategi Kedua** adalah **Melengkapkan Kemudahan Asas** dan menambah baik infrastruktur.

Fokus 1: Pengurusan Infrastruktur Lestari

79. Bagi membina daya tahan negara, Kerajaan komited melaksanakan strategi jangka panjang bagi beradaptasi dengan perubahan iklim di seluruh negara.

Inisiatif: Kesiapsiagaan Bencana Banjir

80. Saya memandang serius isu banjir di negeri Melaka. Justeru, pelbagai projek mitigasi jangka pendek dan panjang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta jabatan dan agensi lain menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan permasalahan banjir terutamanya di 124 lokasi hotspot di seluruh negeri Melaka.
81. Justeru, Kerajaan Negeri juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah meluluskan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) seperti berikut:

Pertama: **RTB Sungai Duyong** berjumlah **117 juta ringgit** sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Oktober 2024.

Kedua: **RTB Bandar Jasin** dengan kos **35.3 juta ringgit** yang bermula Ogos 2022 dan dijangka siap pada Ogos 2025.

Ketiga: **RTB Bandar Merlimau** dengan **kos 17.1 juta ringgit** yang bermula Ogos 2022 dan dijangka siap pada Oktober 2024.

Keempat: RTB Alor Gajah Fasa 1 dengan **kos 17 juta ringgit** yang bermula Ogos 2022 dan dijangka siap pada Oktober 2024.

82. Bagi projek jangka pendek tahun 2022, **190 projek mitigasi banjir bernilai 38.15 juta ringgit di daerah Melaka Tengah, 175 projek bernilai 16.08 juta ringgit di daerah Alor Gajah dan 157 projek bernilai 15.54 juta ringgit di daerah Jasin** telah dilaksanakan.
83. Kita juga memperuntukkan **10.2 juta** untuk **mengurangkan risiko banjir** antaranya projek mendalamkan muara Sungai Melaka dan Sungai Duyong, mengorek mendapan Sungai Melaka, menurunkan paras struktur *weir* di Sungai Malim, kerja-kerja pengawalan hakisan pantai di Kampung Hilir, Alor Gajah dan Pantai Puteri di Melaka Tengah serta menaik taraf sistem saliran di seluruh negeri Melaka.
84. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti projek-projek untuk mengurangkan risiko banjir seperti berikut:
- i. RTB Sungai Durian Tunggal;
 - ii. RTB Sungai Baru;
 - iii. RTB Lubok Cina Fasa 2;
 - iv. RTB Asahan; dan
 - v. RTB Sungai Melaka Fasa 2.
85. Melaka juga akan memohon satu kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin dengan kos 8.4 juta ringgit kepada pihak kementerian. Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan tersebut.
86. Selain projek-projek mitigasi banjir, Kerajaan juga menyediakan peralatan dan kemudahan yang mencukupi untuk menghadapi

musibah banjir. Selain menggunakan aset milik agensi penyelamat yang lain, Kerajaan Negeri telah pun menyediakan 3 buah bot bagi misi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir. Melaka juga mengucapkan terima kasih kepada NADMA di atas sumbangan 6 buah bot bagi tujuan yang sama.

87. Kepada rakyat yang ditimpa **bencana banjir**, Kerajaan Negeri akan menaikkan kadar sumbangan daripada **200 ringgit kepada 300 ringgit bagi kerosakan sebahagian** dan **500 ringgit kepada 700 ringgit bagi kerosakan keseluruhan**.
88. Kenaikan kadar bantuan ini **turut diberikan** kepada **mangsa bencana lain seperti ribut dan kebakaran** dengan **kenaikan** di antara **33 hingga 100 peratus mengikut kategori kerosakan**.

Inisiatif: Jaminan Bekalan Air

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

89. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan bekalan air yang mencukupi sehingga tahun 2050 melalui projek-projek berikut:

Pertama: Projek pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih di Daerah Alor Gajah berkapasiti takungan sejumlah 13,000 juta liter. Projek ini telah mula dilaksanakan pada 7 Jun 2022 dan dijangka akan siap pada 6 Disember 2024. Projek ini memanfaatkan sebahagian besar penduduk di kawasan Daerah Alor Gajah terutamanya di Masjid Tanah sehingga ke Kuala Linggi.

- Kedua: Projek Pembinaan TAPS Melaka** di Tasik Biru Chinchin, Daerah Jasin yang berkapasti takungan sejumlah 25,000 juta liter. Projek ini akan dimulakan pada September 2023 dan bakal siap pada 2026, yang membekalkan sejumlah 310 juta liter sehari air mentah yang diabstrak melalui Sungai Kesang ke Tasik Biru.
- Ketiga: Pembinaan Loji Air Kompak Chinchin, Jasin** dengan kos 40 juta ringgit berkapasiti 30 juta liter sehari telah siap sepenuhnya dan loji telah beroperasi sejak April 2022. Loji ini membekalkan air terawat ke kawasan Jasin dan Merlimau, selain menampung keperluan pembangunan akan datang.
- Keempat: Cadangan pembinaan Loji Rawatan Air Jernih, Alor Gajah** dengan kos 404 juta ringgit dijangka akan ditender pada tahun hadapan dan dijangka selesai pada 2026. Loji dengan kapasiti 90 juta liter sehari air mentah ini akan dibina seiring dengan pembangunan TAPS Jernih.
- Kelima: Cadangan Pembesaran Loji Rawatan Air Jus di Daerah Jasin** daripada 5 juta liter sehari kepada 50 juta liter sehari yang memanfaatkan sebahagian besar penduduk di Daerah Jasin terutama di kawasan Batang Melaka, Selandar dan sekitarnya.
- Keenam: Pembesaran Loji Rawatan Air Merlimau, Jasin Fasa 2** telah dimulakan pada Julai 2020 dan dijangka siap pada 2023. Loji dengan tambahan kapasiti 55 juta liter sehari iaitu meningkat menjadi 110 juta liter sehari ini

memanfaatkan penduduk di sekitar kawasan Daerah Melaka Tengah terutamanya bagi pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) dan sebahagian kawasan di Daerah Jasin.

Ketujuh: Berdasarkan kecekapan pengurusan air, status semasa paras air di ketiga-tiga Empangan Durian Tunggal, Empangan Jus dan Empangan Asahan mencatatkan kapasiti 100 peratus pada 8 Disember 2022. Justeru itu, Kerajaan Negeri memberi jaminan tiada catuan air dilaksanakan di Negeri Melaka pada tahun hadapan. Insya Allah.

Inisiatif: Jaringan Hubungan Jalan Darat, Udara dan Air

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

90. Kita akan terus menambah baik jaringan hubungan jalan raya negeri Melaka melalui peruntukan KPLB seperti berikut:

Pertama: **Membina Jalan Baru dari Jalan Solok Ayer Limau ke Kampung Jeram, Masjid Tanah, Alor Gajah, Melaka** dengan kos **19.9 juta ringgit** yang dijangka siap pada November 2024.

Kedua: **Membina Jalan Baru dari Persimpangan Rim (M27) ke Persimpangan Kg. Ulu Jasin (M2), Daerah Jasin, Melaka** dengan kos **35.2 juta ringgit** yang dijangka siap pada Februari 2025.

Ketiga: **Membina Jalan dari Simpang Jalan Serkam-Bemban ke Simpang Jalan Kandang (Kampung Bukit Kajang),**

Jasin dengan kos **20.2 juta ringgit** dan dijangka siap pada November 2025.

91. Selain itu, Kerajaan Negeri juga terus melaksanakan projek-projek berikut:

Pertama: Membina jalan pintas baru dari **Persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya** di Pekan Durian Tunggal dengan peruntukan berjumlah **2.8 juta ringgit**. Projek sedang dilaksanakan dengan prestasi projek sehingga 8 Disember 2022 adalah 65 peratus.

Kedua: **Pemasangan lampu jalan** berjumlah **1.5 juta ringgit** iaitu dari **Persimpangan Lampu Isyarat Ramuan China Kechil hingga Persimpangan Lampu Isyarat Sungai Jerneh, Lubok China Melaka** dan di **Jalan Simpang Solok Duku ke Tanjung Bidara, Daerah Alor Gajah**.

Ketiga: Menaik taraf **persimpangan menjadi bulatan di Jalan Durian Tunggal – Tangkak** di Masjid Lama Ayer Baruk, Jasin dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

Keempat: Memperelok **selekoh tajam di Jalan Jasin – Merlimau, Daerah Jasin** dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

Kelima: Menaik taraf **jambatan sedia ada dan kerja berkaitan di Sungai Siput, Daerah Alor Gajah** berjumlah **500 ribu ringgit**.

Keenam: Menaik taraf **persimpangan di Jalan Masjid Tanah – Londang, Daerah Alor Gajah** berjumlah **500 ribu ringgit**.

Ketujuh: Kerja-kerja perbaikan cerun serta lain-lain kerja berkaitan di **Jalan Kampung Gedang Rantau Panjang, Daerah Alor Gajah** berjumlah **300 ribu ringgit**.

Kelapan: Memperelok **selekoh berbahaya UiTM Lendu di Persimpangan Jalan Industri Kelemak, Daerah Alor Gajah** berjumlah **200 ribu ringgit**.

92. Menyentuh isu kesesakan di laluan bandar, Kerajaan Negeri telah meminta JKR Melaka membuat kajian pelaksanaan cadangan pembinaan jalan bertingkat (*elevated*) menghubungkan tol Ayer Keroh ke pusat bandar.

93. Selain itu, Kerajaan Negeri turut komited untuk menambah baik jaringan hubungan jalan udara dan air melalui inisiatif berikut:

Pertama: Pasca COVID-19, Batik Air mula beroperasi di LTAM pada 12 September 2022 bagi laluan penerbangan setiap hari dari Pulau Pinang dan Pekanbaru. Sehingga November 2022, seramai 7,386 orang telah menggunakan perkhidmatan udara di LTAM. Perbincangan dengan **Batik Air** juga telah diadakan untuk membuka **laluan penerbangan baru** dari **Langkawi dan Batam, Indonesia bermula 2023**.

Kedua: Di sudut **laluan laut** pula, bermula pada 5 Mei 2022, Melaka telah menerima **feri dari Dumai dan Bengkalis di Kompleks Terminal ICQS**. Sehingga 30 November,

seramai 48,522 orang telah menggunakan perkhidmatan feri ini. Laluan laut ini juga akan semakin meriah dengan kehadiran **kapal persiaran (cruise) berkapasiti antara 2,500 hingga 5,000 orang penumpang** yang dijangka tiba pada 28 Disember 2022.

Inisiatif: Pelaksanaan Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam

94. **Di peringkat PBT pula, projek-projek** yang dilaksanakan, antaranya:

Pertama: MBMB melaksanakan **projek-projek pembangunan** berjumlah **73 juta ringgit**, seperti:

- i. Menaik taraf Pasar Besar MBMB di Bachang dan bangunan Pasar Wilayah Thamby Abdullah;
- ii. Membaik pulih arena petanque dan bangunan di Kompleks Sukan Hang Jebat;
- iii. Menaik taraf landskap dan Dataran Bandaraya di Kompleks Graha Makmur; dan
- iv. Membaik pulih Dewan Hang Lekir dan dewan sedia ada di Tengkeru.

Kedua: MPHTJ melaksanakan projek berjumlah **4.05 juta ringgit**, antaranya:

- i. Membina longkang *monsoon drain* di Bukit Beruang berjumlah 650 ribu ringgit;

- ii. Menaik taraf longkang di Taman Mekar berjumlah 200 ribu ringgit;
- iii. Menaik taraf pentas persembahan dalam kawasan pameran gajah di Zoo Melaka berjumlah 3.2 juta ringgit, secara usahasama.

Ketiga: **MPAG** melaksanakan projek-projek berjumlah **915 ribu ringgit**, antaranya:

- i. Menaik taraf serta pembaikan kecil tandas awam dan pondok bas;
- ii. Menaik taraf pencahayaan Dataran Keris Alor Gajah;
- iii. Menaik taraf lampu HPSV kepada lampu LED di
- iv. IKS Air Paabas;
- v. Pembinaan tembok dan naik taraf sistem pam di Taman Belimbing Indah; dan
- vi. Menaik taraf Bahan Serap Bunyi Dewan Bougainvillea.

Keempat: Pada 2023, **MPJ** akan melaksanakan projek-projek berjumlah **530 ribu ringgit** seperti berikut:

- i. Pembaikan dan menaik taraf kemudahan awam seperti medan selera, gerai, terminal bas dan teksi serta pasar awam; dan

- ii. Penyelenggaraan kemudahan awam seperti pondok-pondok bas, papan tanda dan pembaikan infrastruktur.
95. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan pelbagai projek kecil merangkumi **ketiga-tiga daerah** di negeri Melaka, antaranya:

Pertama: Peruntukan **14.9 juta** ringgit untuk **program dan projek khidmat masyarakat bagi 28 DUN**.

Kedua: Peruntukan **7.2 juta ringgit** bagi tujuan **pelbagai penyelenggaraan infrastruktur** di ketiga-tiga daerah.

Ketiga: **Pembinaan Dewan Terbuka Chohong** untuk kegunaan orang ramai di Rim, Jasin dengan kos **500 ribu ringgit**.

Fokus 2: Melaka Sejahtera (Kesihatan)

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

96. Pepatah Arab pernah mengatakan, '*Al-A'qlu Saleem Fi Jismi Saleem*'. **Yakni, minda yang cerdas, berpunca daripada tubuh badan yang cergas.**

Inisiatif: Rekreasi Kesihatan

97. Oleh itu, bagi memastikan kesihatan mental dan fizikal rakyat terjaga, Kerajaan komited melaksanakan inisiatif berikut:

Pertama: Menaik taraf **Kompleks Renang MBMB** berjumlah **5 juta ringgit**.

Kedua: Membaikpulihan **Board Walk Sungai Melaka** Fasa 2 berhampiran pusat membeli belah di The Shore berjumlah **960 ribu ringgit**.

Ketiga: Menyediakan **kemudahan dan infrastruktur ekopelancongan** di Taman Eko-Rimba Tanjung Tuan dan Bukit Gapis, Gunung Melaka berjumlah **100 ribu ringgit**.

Keempat: Membangunkan **Kompleks Ayer Panas Gadek** berkonsepkan **Wellness & Spa Resort**, yang terkenal dengan air panas semula jadi, mengandungi sulfurik yang baik untuk kesihatan, dengan kos **17.9 juta ringgit**.

Fokus 3: Perbandaran Mampan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Pemilikan Perumahan

98. Bagi menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Melaka, inisiatif-inisiatif berikut diteruskan:

Pertama: Menyediakan **Skim Perumahan Mampu Milik** yang berkualiti tinggi pada harga 250 ribu ringgit mulai 1 Januari 2022. Sehingga 12 September 2022, jumlah keseluruhan RMM adalah sebanyak 32,996 unit

dengan 7,916 unit siap dibina, 11,717 unit dalam pembinaan dan 13,363 unit dalam perancangan.

Kedua: Meneruskan **Skim Program Perumahan Rakyat (PPR)**. Sebanyak 1,436 unit rumah dibina melalui 3 projek sedia ada iaitu 336 unit di PPR Sungai Putat, 600 unit di PPR Krubong, dan 500 unit di PPR Tehel.

Manakala bagi PPR dalam pembinaan adalah PPR Klebang sebanyak 255 unit dan PPR Tangga Batu 125 unit. LPM telah mengemukakan sebanyak 13 tapak cadangan PPR baharu kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan masih menunggu kelulusan, antaranya di Lendu, Machap Jaya, Ayer Molek, Bukit Katil, Asahan dan Sungai Rambai.

Perbadanan Ketua Menteri (CMI) juga telah mengenalpasti 3 lokasi yang berpotensi untuk dijadikan tapak PPR yang mengandungi 500 unit rumah setiap satu di DUN Serkam, Lendu dan Tanjung Bidara untuk pelaksanaan secara usahasama dengan pemaju perumahan.

Ketiga: LPM telah melaksanakan konsep rumah sewa beli (**Rent to Own**) kepada 600 pemilik rumah di PPR Krubong dan 500 pemilik di PPR Tehel.

Keempat: Meneruskan **Skim Program Perumahan Rakyat Miskin** yang sebelum ini dikenali sebagai **Rumah Prihatin** dan dijenamakan semula kepada **Program Melaka Rumahku** di bawah Lembaga Perumahan

Melaka. Pada tahun 2023 sebanyak 60 unit rumah akan dibina.

Kelima: **Care Cinta** iaitu **Skim Rumah Pasangan Yang Baharu Berkahwin**. Sebanyak 70 unit rumah untuk skim sewa dengan kadar serendah 150 ringgit sebulan. Skim ini akan diperluaskan lagi dengan memperuntukkan unit di PPR Klebang yang dijangka siap pada Disember 2023 dan PPR Tangga Batu pada Mac 2023.

Keenam: Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan projek **Rumah Sejahtera** di Lipat Kajang sebanyak 50 unit yang dimulakan pembinaannya sejak tahun 2017. Penyerahan kepada pemilik rumah telah disempurnakan oleh saya pada 8 November lepas. Satu lagi kejayaan adalah menyiapkan 60 unit rumah di **Perkampungan Nelayan Mukim Kuala Sungai Baru Ilir**, Alor Gajah yang telah dimulakan sejak tahun 2012. Projek ini telah mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada 9 Disember 2022 dan projek ini akan diserahkan kepada nelayan yang layak pada tahun hadapan.

99. Bercerita hal kediaman juga, saya berbangga dengan saudari **Norashikin Ahmad** dari Kampung Paku, Rembia yang menubuhkan **Pasukan Penyelamat Haiwan Shikin (STAR)**, untuk membantu haiwan terbiar seperti kucing, monyet dan kuda di negeri Melaka. **Tepukan syabas kepada Saudari Norashikin!**

Fokus 4: Pendidikan dan Teknologi

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Kecapaian Pendidikan

100. Demi kecemerlangan pendidikan anak-anak Melaka, Kita merancang inisiatif seperti berikut:

Pertama: Membangunkan Bandar Universiti Yayasan Melaka atau BUYMe di kawasan seluas 226 ekar bersebelahan UTeM. Pelan pembangunan Fasa 1 seluas 90.49 ekar telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada 22 Mac 2022 dan kelulusan Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Parit pada 23 Ogos 2022.

Kedua: Membina Maahad Tahfiz Bistari (MTB) di Pulau Besar menyediakan pembelajaran intensif pelajar tahfiz melalui Pembelajaran *Fast Track* SPM.

Ketiga: Menyediakan **Care IPT** iaitu bantuan tunai ke IPT, yang dinaikkan daripada 300 ringgit kepada 400 ringgit untuk program diploma. Manakala Ijazah ke atas pula, dinaikkan daripada 400 ringgit kepada 600 ringgit, dengan implikasi kewangan **1.42 juta ringgit**.

Insentif bernilai **1,000 ringgit** seorang kepada **anak Melaka yang mendapat Ijazah Kelas Pertama bagi graduan lepasan Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam negara** dengan implikasi kewangan **200 ribu ringgit**.

Keempat: Dermasiswa STAM iaitu insentif bernilai 1,000 ringgit seorang untuk pelajar yang melanjutkan pelajaran aliran STAM dengan implikasi kewangan berjumlah **80 ribu ringgit**.

Kelima: **Apresiasi Huffaz** iaitu insentif bernilai 400 ringgit seorang kepada pelajar SPM 2022 yang menamatkan 30 juzuk hafazan Al-Quran dan mendapat pengiktirafan JAKIM dengan implikasi kewangan **60 ribu ringgit**.

Keenam: **OnMotivation** ialah **program motivasi** percuma secara atas talian buat pelajar B40 yang bakal menduduki peperiksaan SPM pada Mac 2023.

Ketujuh: **Diskaun bayaran balik pinjaman TAPEM** dari 12 Disember 2022 sehingga 31 Mac 2023 seperti berikut:

- i. Diskaun 50 peratus untuk bayaran penuh baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- ii. Diskaun 15 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dengan sekali bayaran.

Inisiatif: Pendidikan TVET

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

101. Melalui Majlis TVET Negeri Melaka atau MTVET bercadang melaksanakan program dengan implikasi kewangan **210 ribu ringgit** seperti berikut:

Pertama: Program Bicara TVET Bersama Kaunselor Sekolah Menengah.

Kedua: Program Bengkel Latihan TVET Bersama Komuniti.

Ketiga: Pertandingan inovasi dan kreativiti TVET Negeri Melaka.

Keempat: Karnival TVET 2023

102. Di sudut ini, marilah kita belajar pengorbanan **Encik Rosli Abd Manap**, kepada anaknya **Sidratul Muntaha**, tokoh pelajar MAIM tahun 2022 yang memperoleh 9A dalam SPM 2021. Meskipun hanya peniaga kecil yang terpaksa berpanas di bawah khemah tepi jalan, namun tetap bersungguh demi memastikan kejayaan anaknya. Kecekalan sebeginilah wajar dicontohi, **seraya kita beri tepukan semangat kepada Encik Rosli dan anaknya!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Sistem Telekomunikasi Yang Efektif

103. Dalam sektor telekomunikasi, inisiatif seperti berikut akan dilaksanakan:

Pertama: Perluasan **Wifi percuma** di tempat tumpuan awam di 20 lokasi dengan kos **500 ribu ringgit** untuk tempoh 2 tahun.

Pada 2022, Kerajaan Negeri melalui MICTH telah memulakan projek wifi percuma di 20 hotspot pelancongan dan tumpuan awam, antaranya Menara Taming Sari, Dataran Klebang, *Leypark Station* Ayer Keroh, Dataran Sungai Melaka, Zoo Melaka, Masjid Selat, Dataran Keris Alor Gajah, Masjid Tanah Sentral, Merlimau Station dan Laman Belia Sungai Rambai. Projek ini dijangka siap pada Mac 2023.

Kedua: Mewajibkan semua pemaju perumahan menyediakan **tapak telekomunikasi** di kawasan projek masing-masing. Sebanyak 7 Kebenaran Merancang telah diluluskan mengikut syarat dalam Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi iaitu 1 di kawasan pentadbiran MBMB, 1 di MPAG, 3 di MPJ dan 2 di MPHTJ.

STRATEGI 3: MENYEDIAKAN PERSEKITARAN LESTARI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Perbandaran Mampan

Inisiatif: Lokaliti Kondusif

104. Dalam membina persekitaran komuniti yang harmoni, Kerajaan komited memastikan pewujudan lokaliti kondusif melalui program berikut:

Pertama: Melaksanakan program kutipan caj beg plastik kepada premis perniagaan sebagai salah satu syarat pembaharuan lesen perniagaan masing-masing.

Kedua: Program kesedaran kebersihan, antaranya:

- i. Program *World Cleanup Day*;
- ii. Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Negeri Melaka (PerKiss);
- iii. Program *My Inspiration Parks* (My InsPark);

Ketiga: **Program-program kitar semula** di negeri Melaka telah lama dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti SWCORP, Jabatan Alam Sekitar, PBT, PTHM dan premis perniagaan serta NGO dan persatuan. Sehingga *kini*, terdapat sebanyak 72 lokasi yang membeli barangan kitar semula di negeri Melaka. Selain itu, terdapat 6 lokasi Pusat Pengumpulan *E-Waste* di bawah Jabatan Alam Sekitar dan 3 lokasi Pusat Kitar Semula PBT. Terdapat juga 19 lokasi *Community Recycle Centre* melalui inisiatif NGO dan persatuan.

Go Green Society dilaksanakan untuk menggalakkan lagi penglibatan masyarakat dalam agenda kelestarian negeri. Kerajaan Negeri akan menyediakan **insentif kepada JPKK dan JPKKB** yang aktif melaksanakan aktiviti kitar semula bersama masyarakat setempat.

Keempat: Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan pelbagai inisiatif pintar dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, menambahbaik urusan perbandaran dan mengukuhkan tadbir urus perkhidmatan awam dengan melaksanakan **Smart Living and Security**. Pemasangan **Smart CCTV** sebanyak 112 unit, antaranya di sekitar Jonker Walk, Melaka Raya dan Lebuh AMJ. Manakala pemasangan **Smart LED Street Light** sebanyak 413 unit pula dilaksanakan di kawasan pentadbiran PBT masing-masing contohnya di Perkampungan Portugis, Jalan Taman Cheng Perdana dan Jalan Industri Malim Jaya.

Kelima: *Smart Mobility*. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan sehingga kini adalah **Smart Parking, Smart Traffic Light, Smart Public Transport dan Smart River**.

Keenam: Bagi memastikan rangkaian kemudahan pintar di negeri Melaka dapat dinikmati oleh rakyat mahupun pelancong, lebih **banyak kemudahan parkir awam bertingkat akan dibina secara berperingkat di kawasan tumpuan utama**. Di samping itu, sistem lampu isyarat akan dinaik taraf kepada penambahan pemuka digital automatik di seluruh negeri Melaka secara berperingkat, sekaligus dapat mengatasi masalah kesesakan dan melancarkan lalulintas.

Ketujuh: Kerajaan Negeri melalui MBMB telah melancarkan **Sistem Pintar Kawalan Trafik (SPiKTRA-M)** pada 2 November lalu yang merupakan projek pertama di Malaysia menggunakan teknologi IR 4.0 bagi tujuan penyuraian trafik dan kelancaran lalulintas.

Sistem ini berupaya menghasilkan Sistem Lampu Hijau Bersepadu (*Intergrated Greenwave Linking*) dengan penjimatan masa sehingga 300 peratus. SPiKTRA-M juga mudah diakses melalui **aplikasi pintar i-trafik** bagi mengesan dan membantu penyuraian trafik melibatkan 22 persimpangan dalam kawasan pentadbiran MBMB yang telah siap dipasang dengan teknologi ini. Akan datang, sebanyak 11 lagi persimpangan akan disediakan dengan SPiKTRA-M dengan kos keseluruhan berjumlah **4.36 juta ringgit**. Bagi tempoh 3 bulan selepas pewujudan sistem, sudah

hampir 60 ribu pengunjung telah mengakses ke sistem ini.

Inisiatif: Kelangsungan Biodiversiti

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

105. Kawasan perlindungan menyimpan khazanah biodiversiti yang tidak ternilai dan sekiranya tidak dipelihara, akan menjejaskan ekosistem alam dan agenda pembangunan mampan. Justeru Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan inisiatif berikut:

Pertama: Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok. Kerajaan Melaka mensasarkan **1 juta pokok iaitu 200 ribu pokok setahun** dengan peruntukan **250 ribu ringgit** iaitu 50 ribu ringgit kepada setiap PBT dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Kedua: Pembangunan Taman Laut di Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti *snorkeling* dan *scuba diving*. Selain itu, keunikan geologi negeri Melaka dengan kepelbagaian flora dan fauna juga berpotensi untuk dibangunkan.

Justeru, bagi tujuan menambahbaik aktiviti pelancongan, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan **Kajian Pembangunan Melaka Island Geopark.**

Ketiga: Mengekal dan meningkat keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dengan mewartakan beberapa kawasan tanah Kerajaan yang bersesuaian. Sehingga 31 Ogos 2022, negeri Melaka diliputi seluas 5,199.49 hektar

kawasan berhutan atau 3.04 peratus telah diwartakan sebagai HSK.

Keempat: Program ***Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*** melalui pendekatan ***Corporate Social Responsibility (CSR)***.

Kelima: Program di bawah peruntukan ***Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)***;

Keenam: **Memastikan sungai-sungai di Melaka antara terbersih** di Malaysia melalui program seperti Program Denai Sungai Kebangsaan.

Ketujuh: **Program hijau** seperti:

- i. Pemasangan ***Solar Roof-Top*** di bangunan kerajaan antaranya di MBMB sebanyak 30 kilowatt dan MPAG sebanyak 100 kilowatt;
- ii. **Program *Eco-Schools Melaka*** mensasarkan tambahan sebanyak 10 buah sekolah menerima pengiktirafan *Eco-Schools*; dan
- iii. **Program Kesedaran Hijau** seperti Anugerah Hijau Melaka, Program Pengumpulan Sisa Minyak Masak Terpakai (Biodiesel), Program ‘Singgit Seposen’, Program Penghijauan Bandar dan *Green Camp*.

AGENDA KEDUA: MEMULIH MENUJU KEMAMPAHAN EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN M-WEZ SEBAGAI AGEN TRANSFORMASI PEMBANGUNAN EKONOMI

106. Untuk tahun 2023, Kerajaan Negeri akan memperhebatkan agenda kemampanan ekonomi Negeri Melaka melalui pelbagai inisiatif.
107. Untuk pelan jangka panjang, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha membangunkan kawasan M-WEZ menjadi suatu koridor ekonomi bertaraf antarabangsa.

Fokus 1: Pembangunan Ekonomi

Inisiatif: Kesan Pengganda M-WEZ

108. Kewujudan M-WEZ ini akan bertindak sebagai agen transformasi pembangunan ekonomi melalui inisiatif berikut:

Pertama: Pemakaian **Blueprint M-WEZ** sebagai dokumen utama bagi pembangunan berkaitan M-WEZ di semua peringkat pemegang taruh.

Kedua: **Perbadanan M-WEZ** atau **M-WEZ Corporation** akan memberi penekanan ke atas pengukuhan keupayaan dan kemampuan organisasi. Antara **strategi utama** yang dirancang termasuklah:

- i. Membangunkan Pelan Strategik Perbadanan bagi tempoh jangka masa pendek dan panjang;

- ii. Menyediakan panduan pelaburan dan membawa masuk pelaburan pemangkin;

Ketiga: **7 cadangan pembangunan berpotensi tinggi** yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri iaitu:

- i. Pembangunan **kawasan zon industri bebas cukai** seluas 1,000 ekar di Tanjung Bruas;
- ii. Pembinaan **pelabuhan selatan** M-WEZ berkeluasan 1,140 ekar dengan komponen pembangunan *container terminal, tank farm & storage* dan kawasan perindustrian;
- iii. Pembinaan **Menara Ikonik** M-WEZ;
- iv. Projek pembangunan **water chalet** di Pulau Melaka;
- v. Cadangan mewujudkan kawasan zon **Kedai Bebas Cukai di Pulau Melaka**;
- vi. Pembangunan **Terminal Jeti Cruise** yang berpotensi untuk menjadi hab pelancongan pelayaran bagi zon selatan Semenanjung Malaysia. Terminal ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2026; dan
- vii. Projek **The Sail**, sebuah pembangunan hartanah bernilai tinggi yang menawarkan ruang hotel penginapan bertaraf 5 dan 6 bintang, *condotels*,

business suites, ruang membeli belah dan pusat budaya.

Keempat: **Menganjurkan *Melaka 1st International Dialogue on Port and Waterfront Development*** bagi mempromosi M-MWEZ kepada pelabur.

STRATEGI 2: MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI PILIHAN PELABURAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Melaka Negeri Pelaburan

Inisiatif: Pelaburan Berpotensi

109. Untuk memastikan Melaka terus unggul sebagai negeri mesra pelabur, inisiatif pelaburan berikut akan dilaksanakan:

Pertama: **Tabung Pelaburan Amanah Hartanah (REITs).** Mewujudkan Syarikat Tujuan Khas (SPV) bagi membeli dan menstruktur semula aset-aset berkualiti milik agensi.

Kedua: **Bank Pelaburan Pesisir Pantai** bagi menarik lebih ramai pelabur baharu.

Ketiga: **Xinyi Glass Holdings Ltd.**, syarikat pengeluar kaca terbesar Asia akan menambah nilai pelaburan sebanyak **1.5 bilion ringgit** bagi pembinaan 2 kilang baharu di Kawasan Perindustrian Elkay Lipat Kajang, Jasin.

Keempat: **Dominant Opto Technologies Sdn. Bhd.** melabur **1.3 bilion ringgit** sebagai pengeluar lampu kenderaan menggunakan teknologi diod pemancar cahaya (LED).

Kelima: Pengeluar sensor optik dunia berpangkalan di Jerman, **Leuze Electronic Malaysia Sdn. Bhd.** menambah nilai pelaburan sehingga **200 juta ringgit** pada 2022.

Inisiatif: Penerokaan Pelaburan Baharu

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

110. Kerajaan Negeri turut meneroka pelaburan baharu iaitu:

Pertama: Memberi fokus kepada **sektor tenaga gas dan teknologi** seperti projek **Melaka Energy Corridor (MEC)** di Mukim Kuala Sungei Baru, Telok Gong dan projek **Sisa Industri Berjadual** di Kawasan Perindustrian Elkay seluas 45 ekar.

Kedua: Membangunkan **kawasan Hab Ekonomi Utara Melaka** meliputi kawasan di **Masjid Tanah dan Alor Gajah** berkeluasan 5 ribu ekar yang akan dikenali sebagai **Melaka Hi-Tech Park** dan cadangan pembesaran kawasan hab ekonomi sedia ada di **Elkay Jasin**.

Ketiga: Kerajaan Negeri Melaka melalui Kumpulan Melaka Berhad (KMB) pula telah mengadakan rundingan awal dan mengemukakan permohonan kepada Petronas Penapisan (Melaka) Sdn. Bhd. bagi aktiviti **Chemical Desludging and Waste Disposal**

tangki minyak yang terdapat di Petronas Penapisan (Melaka) Sdn. Bhd. melalui penggunaan *V6 Technology Chemical Desludging*.

Inisiatif: Pembangunan Koperasi

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

111. Kerajaan Negeri berharap Kerajaan Persekutuan akan terus mempertimbangkan peruntukan melalui inisiatif berikut:

Pertama: **Geran bantuan pembangunan koperasi** dan **Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.**

Kedua: **Program pembudayaan pembangunan dan kawal selia gerakan koperasi.**

Ketiga: **Bidang atau strategi baharu gerakan koperasi negeri Melaka** iaitu:

- i. Pengoperasian Melaka *Coopnity* sebagai **Pusat Sehenti Koperasi (PSK)** secara maya (Fasa 2);
- ii. **Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL)** Linggi dan Projek Fertigasi Meja oleh Koperasi Usahawantani Alor Gajah Melaka Berhad; dan
- iii. **Distribution Centre barangan runcit** oleh Koperasi Kakitangan Penjara Melaka Berhad.

Inisiatif: *Ease of Doing Business*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

112. Bagi memudahkan urusan para peniaga untuk meningkatkan ekonomi pasca COVID-19, inisiatif berikut dilaksanakan:

Pertama: Memperkenal dan memperbanyakkan lokasi perniagaan bagi penjaja dan peniaga di lokasi berikut:

Kawasan **MBMB** melibatkan lokasi seperti *Cabin Food Court Centre* Melaka Raya, *Backstreet Food Court Centre*, Pasar Malam Dataran Sungai Melaka dan *Klebang Downtown*.

Kawasan **MPAG** pula melibatkan tapak-tapak penjaja di Pengkalan, Sungai Tuang Teluk Gong, AG Sentral dan Menggong.

Bagi kawasan **MPJ**, lokasi di D'Jasin Station Dataran Jasin, Merlimau Night Market Bandar Baru Merlimau Utara, Pusat Penjaja Jasin Bestari, kawasan lapang berhampiran Jambatan Tok Senara, Dataran Bukit Serkam, Dataran Nyalas dan Dataran Umbai.

MPHTJ turut menyediakan kawasan peniaga seperti di *Leypark Station* dan Taman Tasik Utama.

Ketiga: Menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan MARA. Sehingga 30 November 2022, peruntukan berjumlah 21.1 juta ringgit telah diluluskan kepada 679 orang usahawan.

Keempat: Program pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di bawah SME Corp. Sehingga 30 November 2022, sebanyak **4.9 juta ringgit** peruntukan diluluskan dan memberi manfaat kepada 196 orang usahawan.

Kelima: Melaka Finance House (MFH) turut menyediakan bantuan dan insentif untuk rakyat Melaka yang terlibat dalam perniagaan seperti **kemudahan pemfaktoran kepada kontraktor dan pembekal jabatan dan agensi Kerajaan pada kadar 1.5 peratus sebulan bernilai 10.5 juta ringgit.** MFH juga menawarkan **pinjaman mikro kredit bagi usahawan pada kadar 1.5 peratus sebulan bernilai 1 juta ringgit.**

STRATEGI 3: MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI TERUNGGUL

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Melaka Negeri Pelancongan

Inisiatif: Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035

113. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Pelan Induk Pelancongan (PIP) pada Disember 2022. Melalui PIP ini, pihak berkaitan sektor pelancongan boleh menjadikannya sebagai rujukan untuk menghasilkan produk-produk pelancongan baharu.

Inisiatif: Projek/Program Tarikan Pelancong

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

114. Ke arah itu, Kerajaan akan meneruskan inisiatif pelancongan dan kebudayaan berikut:

Pertama: Menganjurkan program atau Festival Malaysia Melaka melalui **17 acara pelancongan utama** pada tahun 2023 dengan implikasi kewangan **3 juta ringgit**.

Kedua: **Menaik taraf kemudahan awam di Pulau Besar** dengan memperuntukkan sejumlah **741 ribu ringgit**.

Ketiga: **Care Pelancongan** iaitu **insentif kepada pengusaha kecil pelancongan** berbentuk geran bantuan modal berjumlah **200 ribu ringgit**. Di bawah geran ini, pengusaha kecil pelancongan yang mempunyai hasil jualan di bawah 50 ribu ringgit setahun layak memohon geran. Setiap pengusaha kecil pelancongan yang layak akan menerima **geran bernilai 1 ribu ringgit**.

Keempat: **Pemudahcara bagi dasar pelepasan dan pengurangan cukai** kepada pusat-pusat pelancongan yang menawarkan **pakej premium** untuk kategori **T20**.

Kelima: **Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024**. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri akan mempergiat usaha **mempromosi TMM** bertemakan **Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO** dan **Melaka Is The Place To Be** bakal menarik 8.4 juta pelancong dengan jumlah

pendapatan sebanyak 10 bilion ringgit pada tahun 2024.

Keenam: ***My Siring Waterfront*** iaitu projek pembangunan seluas 30.08 ekar di Pantai Siring bersebelahan Jeti Anjung Batu, Mukim Umbai, Daerah Jasin dengan anggaran kos sebanyak **44.8 juta ringgit**. Cadangan projek akan membangunkan Restoren Terapung, *Light House & Wharf*, dan laluan Santai Paya Bakau (*Mangrove Walk*).

Ketujuh: **Menaik taraf dan penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur di kawasan ekopelancongan semulajadi** Bukit Gapis Gunung Melaka di Jasin.

Kelapan: **Taman Paya Bakau Umbai** dengan komponen projek seperti Menara Pandang, dan *boardwalk* untuk menarik pelawat ekopelancongan.

Kesembilan: **Jelajah Sungai Kesang dan Jasin Island Hopping.** *Cruise* Sungai Kesang dan *Pakej Island Hopping* mengelilingi Pulau Besar dan Taman Laut Melaka disediakan bagi membolehkan pelawat menikmati keindahan dan melakukan aktiviti di kawasan berkenaan.

Kesepuluh: **Glamping Jasin** dalam kawasan HSK Batang Melaka dan Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah di dalam kawasan HSK Bukit Senggeh yang sesuai untuk pencinta alam semulajadi.

Inisiatif: Promosi Pelancongan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

115. Usaha mempromosi pelancongan sempena Tahun Melawat Melaka 2024 dipergiat melalui inisiatif **program teaser sejarah Melaka** di seluruh rangkaian dan saluran pengenalan hotel. Ia bakal memaparkan sejarah dan warisan sekaligus mempromosikan Melaka sebagai *most historical state*.
116. Kerajaan Negeri juga menyediakan **insentif Care TGM** sebanyak **200 ribu ringgit** kepada **ejen kembara yang membawa pelancong ke lokasi pelancongan milik agensi Kerajaan Negeri**.

STRATEGI 4: MENINGKATKAN KETAHANAN SEKTOR PERTANIAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Melaka Negeri Usahawan (Pembangunan Industri Pertanian dan Makanan)

117. Bidang pertanian merupakan sektor yang berpotensi untuk dibangunkan. Statistik Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan sebanyak **3.7 peratus** berbanding sektor ekonomi lain semasa COVID-19.
118. Justeru, bagi mewujudkan **keterjaminan makanan** di negeri Melaka, sebanyak **6.58 juta ringgit** disediakan pada 2023, peningkatan **56.29 peratus** berbanding tahun 2022 untuk melaksanakan pelbagai aktiviti **pertanian, perikanan dan penternakan**.

Inisiatif: Pembangunan Sektor Pertanian

119. Antara penambahbaikan sektor pertanian yang akan terus dilaksanakan adalah:

Pertama: Pelaksanaan Projek Tanaman dan Pemprosesan Tumbuhan Hijau Sumber Makanan Haiwan Ternakan iaitu tanaman jagung manis, bijiran dan napier **berjumlah 8 juta ringgit.**

Ini meliputi kawasan penanaman di atas tanah seluas 70 ekar di Kampus Induk UTeM, bagi tanaman jagung dan tanaman napier pula diusahakan di atas tanah milik PKNM di Mukim Kuala Linggi dan Sungai Baru Ilir, Alor Gajah dengan keluasan 57.43 ekar dengan jangkaan pendapatan bersih adalah sebanyak **2.8 juta ringgit** setahun.

Kedua: Pembangunan kluster durian dan kluster buah-buahan eksport melalui projek penanaman durian musang *king* di Mukim Lendu, Alor Gajah seluas 169 ekar dan penanaman durian secara komersial di Batang Melaka, Jasin, Serkam dan Sungai Rambai.

Ketiga: Projek D’Fertigasi di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Selandar **berjumlah 500 ribu ringgit.**

Keempat: Produk burung walit. Berikutan permintaan tinggi terhadap produk burung walit, pembinaan kilang seluas 10 ekar bakal dibina di Mukim Lendu, Alor Gajah.

Kelima: Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Sebatu. Kerajaan Negeriewartakan Sebatu sebagai kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) seluas 550 hektar daripada perairan laut Sungai Kesang hingga ke perairan laut Sungai Renggei untuk aktiviti ternakan kupang dan kerang. Jabatan Perikanan akan melaksanakan **Projek Kebun Kerang dan Ternakan Kupang** melibatkan **336 nelayan** dengan kos projek **1.9 juta ringgit**.

Ketujuh: Kajian ke arah memodenkan sektor pertanian Melaka sebagai **Lembah Pertanian Bandar (*Urban and Vertical Farming*)**.

Inisiatif: Jaminan Kebajikan Kumpulan Sasar

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

120. Kerajaan Negeri sentiasa menumpukan kebajikan golongan petani, perternak dan nelayan yang menyumbang kepada keterjaminan makanan untuk rakyat. Antara inisiatif kepada kumpulan tersebut adalah seperti:

Pertama: Meneruskan Program **Sara Nelayan**, insentif sara hidup secara *one-off* bernilai 1,000 ringgit seorang kepada 1,176 orang nelayan berdaftar yang akan dibayar sebanyak 4 kali.

Kedua: Menambah baik **infrastruktur dan skim subsidi peralatan untuk nelayan, petani dan penternak**.

Pada tahun 2022 **lebih 700 ribu ringgit** dibelanjakan dan inisiatif ini diteruskan pada tahun 2023.

Ketiga: **Bantuan baka ternakan** berjumlah **400 ribu ringgit** bagi meningkatkan kadar pengeluaran daging.

Keempat: Menguruskan permohonan **skim perlindungan insurans bagi 1,176 nelayan, 2,104 penternak dan 1,387 petani** berjumlah **lebih 200 ribu ringgit**.

Inisiatif: Kepelbagaian Mekanisme Pemasaran

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

121. Dengan kerjasama FAMA Melaka, inisiatif **Souq Subuh** berjumlah **50 ribu ringgit** akan diteruskan berteraskan konsep jualan harga berpatutan di pasar pagi lebih rendah daripada harga pasaran buat rakyat Melaka.
122. Sepanjang 2022, FAMA Melaka juga melaksanakan 152 program pemasaran dengan nilai jualan terkumpul 57 juta ringgit.
123. Bagi tahun 2023, FAMA Melaka dijangka menerima peruntukan pembangunan persekutuan berjumlah 317 ribu ringgit bagi pelaksanaan projek dan program pemasaran hasil pertanian dengan sasaran pencapaian nilai jualan terkumpul berjumlah 70 juta ringgit.
124. Selain itu, FAMA Melaka telah bekerjasama dengan JAPERUN di setiap DUN Negeri Melaka dalam melaksanakan Program Jualan Murah di 28 DUN dengan peruntukan berjumlah 3.5 juta ringgit. Program ini memanfaatkan seramai 400 ribu orang penduduk Melaka dengan nilai jualan terkumpul sebanyak 11 juta ringgit.

125. FAMA Melaka juga telah diberikan hak milik tanah seluas 0.607 hektar di Mukim Sungai Rambai, Daerah Jasin bagi tujuan pembangunan Pasar Tani Kekal. Pembinaan bangunan Pasar Tani Kekal dengan kos 3.5 juta ringgit akan dipohon melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

STRATEGI 5: MERANCAKKAN DIGITALISASI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Pendidikan dan Teknologi

Inisiatif: Pelan Induk *Smart City*

126. Selaras dengan agenda pendigitalan sektor awam, Kerajaan Negeri telah menyediakan *Smart Melaka Blueprint 2035* yang menggariskan strategi, inisiatif dan sasaran untuk memacu pertumbuhan digital.

Inisiatif: Platform Digital

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

127. Kerajaan Negeri juga mengambil langkah meneruskan inisiatif digital melalui pelbagai platform, antaranya:

Pertama: Teknologi 5G. Kadar liputan 5G di negeri Melaka telah mencapai 46 peratus di kawasan berpenduduk dan pihak kerajaan menasarkkan kadar liputan 5G ini bakal meningkat kepada 55.2 peratus pada penghujung tahun 2022 kelak.

Bagi fasa pertama tahun 2022, sebanyak 133 lokasi disasarkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di sekitar daerah Melaka Tengah, dengan 58 lokasi telah selesai proses integrasi. Sehingga 15 November lepas, sebanyak 32 lokasi di daerah Melaka Tengah telah mempunyai akses perkhidmatan 5G di bawah Fasa Satu Pelan Pelaksanaan 5G Negeri Melaka. Perluasan liputan 5G ke daerah Alor Gajah dan Jasin akan dilaksanakan dalam fasa seterusnya pada tahun 2023.

Kedua: Agenda **Cashless Society**. Inisiatif ini akan dilaksanakan bermula tahun 2023 dengan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan pihak MCMC.

Ketiga: **Melaka Super App**. Aplikasi ini berfungsi sebagai satu platform tunggal untuk menyelaraskan aplikasi sedia ada di negeri Melaka.

Pelaksanaan Fasa 1 pada suku tahun pertama 2023 akan mengintegrasikan 4 aplikasi *mobile app* yang sedia ada di Melaka iaitu Melaka Pay, *Smart Vehicle Parking*, Respons Rakyat dan MelakaExcess.

Kempat: **Platform Digital dan Aplikasi Pintar** yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri seperti *Islamic Education Management System (IEMS)*, Sistem Tender *Online* (STOM) dan Sistem Melaka Monitor.

Kelima: Dalam membantu meningkatkan hasil negeri, **portal MelakaPay** menyediakan sebanyak 27 perkhidmatan melibatkan 25 jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Melaka. Sehingga 8 Disember 2022, sebanyak 200,490

transaksi pembayaran di MelakaPay yang melibatkan kutipan hasil sebanyak **48.9 juta ringgit**.

Way Forward Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka (MelakaPay) tahun 2023:

- i. Penambahan 15 perkhidmatan dan 2 agensi baharu di Portal MelakaPay;
- ii. Menaik taraf *Mobile App* MelakaPay dengan menambah sebanyak 25 perkhidmatan serta melibatkan 2 agensi baru. Ini bagi memastikan bilangan perkhidmatan di *Mobile App* selari dengan bilangan perkhidmatan yang ada di Portal MelakaPay; dan
- iii. Menyediakan kaedah pembayaran secara e-Wallet.

Inisiatif: Pemantapan Pembangunan Data Raya Negeri Melaka

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

128. Pemantapan pembangunan Data Raya Negeri Melaka akan dilaksanakan melalui inisiatif berikut:

Pertama: Melaka Digital Command Centre (MD2C). mensasarkan untuk membangunkan 2 lagi *dashboard* baharu iaitu Pengurusan Profil Penerima Bantuan di bawah Portfolio Pertanian Negeri Melaka dan Pengurusan Usahawan Negeri Melaka Bersepadu.

Kedua: Pusat Pangkalan Data Raya Negeri Melaka (M-Dataraya) mensasarkan 4 pembangunan baharu yang akan dilaksanakan:

- i. Pengurusan Profil Penerima Bantuan Di Bawah Portfolio Pertanian Negeri Melaka;
- ii. Pengurusan Usahawan Negeri Melaka Bersepadu;
- iii. Pendigitalan Data Statistik Pelancong Negeri Melaka; dan
- iv. Pemeraksanaan Pemilikan Rumah Mampu Milik Negeri Melaka Mengikut Geo Lokasi.

Ketiga: Penyediaan dokumen Pelan Perancangan Pembangunan Data Raya Melakaku Maju Jaya 2021-2035 (PPDR 2035), tahun hadapan bagi memandu **Pelaksanaan Inisiatif Data Raya** Negeri Melaka sehingga tahun 2035.

STRATEGI 6: PEMBANGUNAN INKLUSIF

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Fokus 1: Pembangunan Inklusif

Inisiatif: Syiar Islam

129. Kerajaan Negeri mempertingkatkan syiar Islam dalam pentadbiran selaras peruntukan Perlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan.
130. Selaras tujuan ini, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 1,462 orang **guru agama (Kafa)** dan juga 323 orang guru **tadika Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)** yang tanpa jemu sentiasa mendidik anak-anak negeri Melaka untuk mendapatkan pendidikan agama.
131. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka selama ini, sementara menunggu **kajian semula elaun kepada semua guru Kafa dan Tadika akan dilaksanakan pada tahun 2023**, sukacitanya saya umumkan dahulu, kenaikan elaun sebanyak **100 ringgit** kepada **522 orang guru Kafa**.
132. Selain itu, melalui kerjasama erat yang terjalin, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bagi membina masjid-masjid di negeri Melaka, antaranya:

Pertama: Membina **Masjid Bukit Tembakau** yang boleh memuatkan 800 jemaah dengan kos projek **5.6 juta ringgit** yang dijangka tender pada hujung Disember 2022.

Kedua: Membina **Masjid Serkam Darat** yang boleh memuatkan 800 jemaah dengan kos **5.8 juta ringgit** yang dijangka tender pada Januari 2023.

Ketiga: Membina **Masjid Baru Selandar** yang boleh memuatkan 1,200 jemaah berjumlah **8.6 juta ringgit** yang dijangka tender pada Mac 2023.

133. Pada tahun 2023 nanti, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan berjumlah **5.9 juta ringgit** untuk melaksanakan pelbagai **projek menaik taraf masjid** iaitu bangunan Muzium Al-Quran di Kompleks Masjid Al-Azim, Masjid Alai di Jasin, Masjid Selat di Pulau Melaka dan Masjid Rantau Panjang di Masjid Tanah.
134. Dalam usaha untuk menambahbaik keperluan kumpulan asnaf penerima zakat, sasaran **kutipan zakat** pada tahun 2023 dijangka meningkat sebanyak 4.98 peratus kepada **118 juta ringgit** berbanding 112.4 juta ringgit pada tahun 2022.

Inisiatif: Peningkatan dan Pewujudan Hasil Baharu

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

135. Pada tahun 2022, pelbagai insentif disediakan untuk menarik perhatian orang awam agar menunaikan tanggungjawab membayar cukai tanah yang merupakan hasil utama Kerajaan Negeri seperti berikut:

Pertama: Penggunaan bil atas talian bagi bil cukai tanah dan cukai petak.

Kerajaan Melaka akan memperkenalkan bil cukai tanah dan bil cukai petak atas talian bermula tahun 2023 bagi memudahkan orang awam mendapatkan dan menyemak bil cukai tanah dan cukai petak pada bila-bila masa. Langkah inovasi ini juga dapat membantu

menjimatkan perbelanjaan mencetak bil yang semakin meningkat iaitu sebanyak **600 ribu ringgit** setiap tahun.

Kedua: Kempen Bayar Cukai dan Menang.

- i. Pembayar cukai tanah dan petak yang bertuah berpeluang memenangi hadiah utama iaitu sebuah kereta Perodua Axia dan pelbagai hadiah menarik bernilai 50 ribu ringgit;
- ii. Pengenalan pembayaran cukai tanah dan petak menggunakan aplikasi JomPay;
- iii. Diskaun 10 peratus keatas cukai tanah dan petak semasa bermula 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 bagi setiap pemilik tanah dan strata; dan
- iv. Tempoh denda lewat dilanjutkan daripada 31 Mei 2022 hingga 31 Julai 2022.

136. Hasilnya, sehingga **November 2022**, kita telah memperoleh sebanyak **270 juta ringgit hasil tanah** bagi tahun 2022. Kutipan **tunggakan cukai tanah** juga menunjukkan prestasi memberangsangkan iaitu **peningkatan** sebanyak **11 juta ringgit** pada tahun ini.

137. Bagi menggalakkan pembayaran cukai dan membantu kutipan hasil, pada tahun 2023 Kerajaan Negeri meneruskan **Kempen Bayar Cukai dan Menang** yang membolehkan pembayar cukai tanah dan petak memenangi pelbagai hadiah menarik yang disediakan.

138. Di samping itu, kita turut giat berusaha menjana pendapatan daripada sumber hasil baharu melalui M-WEZ seperti berikut:

Pertama: **Pembangunan tanah kerajaan di kawasan M-WEZ seluas 100 ekar** secara kaedah *Request for Proposal* dengan anggaran **130 juta ringgit** termasuk cadangan **pembangunan bercampur di nukleus *Digital Satellite Township*** dan pembinaan **Menara Ikonik M-WEZ**.

Kedua: Mengenakan **bayaran bersesuaian ke atas kapal-kapal yang menjalankan aktiviti maritim di perairan negeri Melaka** dengan potensi hasil sebanyak 3 juta ringgit

Ketiga: Meneruskan cadangan **pembangunan ke atas 100 ekar baki kawasan tambakan berdasarkan Blueprint M-WEZ** yang berpotensi menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri sebanyak 130 juta ringgit, selain pulangan 1/5 daripada keluasan tambakan kepada Kerajaan Negeri.

139. **Sektor air** menyumbang sebanyak **110 juta ringgit**, hasil bagi tempoh 2016 hingga Oktober 2022. Pada tahun 2023, kutipan hasil diunjur meningkat sebanyak 30 peratus berbanding tahun 2021. Peningkatan ini didorong oleh:

Pertama: Penguatkuasaan beberapa peraturan baharu bagi mengawal selia sumber air antaranya **Peraturan Abstraksi, Cari Gali, Pelencongan dan Pengubahan Sumber (Pindaan) 2019**.

Kedua: Cadangan **pewartaan** Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai **Taman Laut** bakal menyumbang hasil baharu di bawah **Peraturan-Peraturan Aktiviti Rekreasi Air (Negeri Melaka) Tahun 2021**.

Ketiga: **Penguatkuasaan undang-undang** di bawah **Peraturan-Peraturan Enakmen Sumber Air (Negeri Melaka) 2014** telah meningkatkan jumlah pemegang lesen dan tindakan undang-undang diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan mengakibatkan pencemaran.

AGENDA TIGA: MEMPERCEKAP PERKHIDMATAN AWAM

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Fokus 1: Pembangunan Ekonomi

Inisiatif: Kerjasama Awam dan Swasta

140. Penglibatan pelaburan swasta domestik atau asing, bersama sektor awam memainkan peranan penting dalam mewujudkan sinergi kerjasama untuk pembangunan negeri.

Inisiatif: Peranan Agensi dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

141. Kita telah menetapkan supaya sumbangan agensi dan GLC kepada Kerajaan Negeri **sekurang-kurangnya pada kadar 2 peratus**

daripada pendapatan tetap dan 10 peratus daripada projek usahasama.

142. Bagi memastikan semua agensi dan GLC **berkeupayaan untuk bersaing dan mencapai objektif penubuhan** masing-masing, mulai tahun depan, Kerajaan Negeri akan membuat **penilaian** dari segi *tadbir urus korporat*, kewangan dan yang berkaitan dengannya.

Fokus 2: Pemerkasaan Struktur Pentadbiran Kerajaan

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif: Pembudayaan *Outcome Based Development*

143. Bermula tahun 2020, Kerajaan Negeri telah mula melaksanakan inisiatif kajian penilaian *outcome* untuk memastikan projek pembangunan di bawah peruntukan negeri memberi impak berkesan kepada kumpulan sasar.
144. Antaranya, projek *Reforestration* Sungai Putat, Pembinaan Struktur Lapis Lindung Pantai (*Rock Revertment*) di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Kerja-Kerja Mendalamkan *Bunded Storage* dan Projek Infrastruktur di bawah IR 4.0 bagi projek Sistem Pejalan Kaki Automatik (SiPKA).
145. Projek SiPKA oleh MBMB, telah menambahbaik sistem pejalan kaki sedia ada, kepada sistem automatik yang lebih mudah dan mesra pengguna. Penilaian *outcome* menunjukkan lebih 90 peratus responden berpuashati dengan sistem tersebut.
146. Tambahan, projek pengindahan Sungai Melaka, adalah contoh lain *Outcome Based Development* yang juga terbukti memberi pulangan

positif, dengan nilai hartanah bangunan di kawasan itu, meningkat daripada 7 juta ringgit pada tahun 2019 kepada 14 juta ringgit pada tahun 2022.

147. Pastinya, penilaian *outcome* ini akan diteruskan tahun hadapan, melalui kerjasama rakan strategik di peringkat Persekutuan, seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri serta pelbagai kementerian lain, di mana Kerajaan Negeri ada mengemukakan permohonan projek untuk dipertimbangkan.

Inisiatif: Penubuhan Institusi

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

148. Penubuhan badan kawal selia atau institusi bertujuan memperkasa struktur pentadbiran Kerajaan, antaranya:

Pertama: **MELDiC** iaitu Majlis Digital Negeri Melaka ditubuhkan bagi menyelaraskan perancangan pelbagai inisiatif berkaitan ICT di negeri Melaka.

Kedua: **MTVET** iaitu Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical And Vocational Education And Training – TVET*) Negeri Melaka, ditubuhkan bagi melahirkan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri, yang mana Melaka merupakan negeri pertama di Malaysia yang menubuhkan Majlis TVET.

Inisiatif: Tadbir Urus Kerajaan

149. Bagi memperkasa **tadbir urus yang bersih dan telus**, Kerajaan Negeri komited untuk membudayakan nilai integriti, kebertanggungjawaban dan tata kelola yang baik dalam pentadbiran.
150. Misalnya, pada 25 Oktober 2022, seramai 39 orang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Negeri Melaka telah ditauliahkan dalam Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah Ke-9 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Inisiatif: Kebajikan Penjawat Awam

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

151. Penjawat awam amat bernilai dan nadi utama bagi Kerajaan Melaka agar sistem perkhidmatan dan penyampaian menjadi lebih berkesan serta terbaik kepada rakyat.
152. Sebagai tanda penghargaan kepada penjawat awam negeri Melaka,... khabar dinanti sudah pun tiba,... maka sukacitanya saya umumkan berita gembira,...

Pertama: **Gantian Cuti Rehat**, bagi penjawat awam bertaraf tetap berumur 45 tahun ke atas, dengan implikasi kewangan hampir **2 juta ringgit**;

Kedua: **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak **setengah bulan gaji** untuk semua penjawat awam negeri Melaka berdasarkan gaji terakhir bulan Disember 2022. Pembayaran BKK ini akan dibuat sebanyak **2 kali** iaitu pada **Februari 2023** bagi membantu urusan

persekolahan anak-anak **dan** pada **April 2023** sebagai bantuan perayaan sempena Aidil Fitri.

Ketiga: Seterusnya, bagi menghargai khidmat penjawat awam negeri yang telah mencurahkan bakti sehingga kita mencapai kejayaan-kejayaan yang telah saya nyatakan tadi, maka suka saya mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan** sebanyak **700 ringgit** kepada semua penjawat awam negeri Melaka yang **sedang berkhidmat** dan bantuan ini akan dibayar pada **Disember 2022**.

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

153. Jelas segalanya, berdasarkan senario semasa, baik yang berlaku di dalam lingkungan mahupun di luar lingkaran kawalan kita, suka atau tidak, **kita harus berlapang dada, menerima ketentuannya dan berdamai dengan takdir.**
154. Bagai diperingat oleh mafhum hadis riwayat At-Tarmizi, **“jika kita suka seseorang, maka berpada-padalah. Kerana orang yang kita sukai itu, mungkin suatu hari nanti kita akan membencinya. Sekiranya kita benci seseorang itu sekalipun, maka berpada-padalah juga. Kerana, boleh jadi orang yang kita benci itu, boleh bertukar menjadi orang yang kita sayang.”**
155. Lantaran itu, hadirilah apa pun istilah, baik namanya **islah, wasatiyyah, transformasi, tasamuh, waima reformasi** sekalipun,... terpenting sekali, kita perlulah *move on*, sentiasa positif dan terus bergerak berani ke hadapan.

156. Dalam konteks Kerajaan Perpaduan tadi, kita perlu belajar bekerjasama, saling percaya, lengkap melengkapi, demi memberikan khidmat yang terbaik untuk negeri Melaka, rakyat dan negara tercinta.
157. Marilah kita mulakan lembaran baharu kerjasama, menyokong dan mendokong Bajet 2023 Negeri Melaka ini. Bak kata pepatah Jawa, **“Wani Ngalah Luhur Wakesane”**. Maksudnya, **Beraniilah bertoleransi, demi kepentingan bersama.**
158. **Betul Ayer Molek?**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

159. **Lantas,... ayuhlah kita berpadu,... sederap melangkah jitu,... memulih ekonomi,... memperingat akujanji,... terus mensejahtera rakyat dan negeri!**
160. **Kepada Allah saya pohon doa pertolongan, kepadaNya jua moga-moga kami dikurniakan kemenangan. Aamiin Ya Rabbal A’lamin!**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabakatuh.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadang.